

Pekerja '100 peratus tolak GST'
Malaysiakini.com
April 26, 2010
Christine Chan

Sekiranya kerajaan ikhlas untuk mengetahui pandangan umum mengenai cukai barangan dan perkhidmatan (GST), mereka hanya perlu ke Dataran Merdeka di Kuala Lumpur, Sabtu ini.

Aktiviti Hari Buruh pada 1 Mei, Sabtu ini akan menyaksikan bantahan secara aman terhadap GST yang didakwa akan 'memiskinkan golongan miskin'.

Lebih 1,000 orang dijangka akan mengambil bahagian.

Ketika dihubungi penyelarasan bantahan itu, E Nalini berkata pelaksanaan GST akan mempengaruhi setiap rakyat di Malaysia.

Pada Mac lalu, kerajaan menengguhkan perdebatan rang undang-undang GST dengan alasan bagi mendapatkan maklum balas daripada orang ramai. Bil berkenaan dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat pada Disember lalu.

"Ini adalah maklum balas kami, kami 100 peratus menentang GST kerana ia akan membebankan rakyat. Kami mahu GST dimansuhkan," kata Nalini.

Antara NGO yang akan hadir pada Sabtu lalu ialah Jaringan Rakyat Tertindas (Jerit), Suaram, Saya Anak Bangsa Malaysia dan Shabat Wanita, bersama dengan parti politik seperti PSM dan PAS serta juga kumpulan hak asasi manusia.

Nalini berkata isu lain yang membabitkan pekerja seperti gaji minimum akan juga ditimbulkan pada perhimpunan di Dataran Merdeka itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/130243>